



PENGUASAAN PENULISAN DALAM CERPEN

Cerpen “Jouska yang Diselindung” oleh Awang Sufi Udin merupakan cerpen kedua selepas “Lima” oleh Anis Sofea Zainuddin (rujuk cerpen dan ulasan bulan April 2020).

Masing-masing mengemukakan pertelingkahan jiwa, khasnya yang terkait dengan kesihatan mental dalam kalangan watak remaja. Adakah persoalan ini kian menjadi mauduk dan permasalahan besar remaja sekarang; persoalan ini merupakan satu perkara yang mustahak difikirkan. Satu sisi yang menarik juga ditinjau dalam cerpen ini adalah bagaimana penulis membangunkan pertelingkahan jiwa remaja itu dan menguasai tiap satunya.

Pengetahuan penulis diadun dalam beberapa bahagian tentang watak yang mengalami tekanan jiwa. Sejak awal membaca, *jouska* dalam pemerian judul, penulis sudah memaklumkan arah cerpen ini. Cerpen ini mengheret pembaca ke ruang fikiran bawah sedar watak Afi, watak utama cerpen ini. *Jouska*, yang bercakap cakap dengan dirinya sendiri; hanya Afi sahaja yang tahu apa-apa yang bersarang dalam kepalanya. *Jouska*, benar-benar menguasai sebahagian besar plot cerpen ini, yang menawarkan ruang tanggapan dan imaginasi tentang garis yang memisahkan Afi daripada sempadan realiti.

Maka bermula dengan itu, Awang Sufi Udin melanjutkan plot dalam penggalan-penggalan yang

diisi dengan perihal tekanan yang didepani oleh Afi, termasuklah membawa masuk “sahabat ghaib” Afi. Penulis mengemukakan istilah *doppelganger* untuk hubungan persahabatannya itu. Melalui rujukan istilah Jerman, *doppelganger* antaranya bermakna mitos “kembar”; sering dikaitkan dengan mereka yang mengalami kerancuan atau skizofrenia. Diri kita ada kembarnya dan hanya kita yang dapat melihat kewujudannya. Beberapa istilah ini memberi isyarat penguasaan dan kesedaran penulis terhadap permasalahan jiwa remaja yang cuba dijelaskan.

Awang Sufi Udin juga menamakan jenis ubat yang diambil oleh Afi. Ubat itu terdiri daripada *vortioxetine*, *trisiklik*, *benzodiazepine*. Melalui rujukan, ubat-ubatan penenang ini adalah untuk tujuan antikeresahan atau antikemurungan. Mengapa Afi harus mengambalnya? Plot cerpen mengajak pembaca meneliti terus apa yang dilalui Afi, sehingga dia bertindak sedemikian.

Menjadi ketua (tidak dinyatakan dengan jelas ketua apa), merupakan sebab “kesakitan” Afi. Kemudian, ditemukan pula kisah Afi, Fan, dan kisah janji yang dimungkir. Afi menghadapi kemurungan akibat dikhianati oleh sahabat sendiri. Bukankah perkara itu satu tragedi? Kemudian, bagaimana fitnah terhadap Afi dilihat di kelab malam, lebih memerangkap.

Pengisian Awang Sufi Udin tentang *jouska* dan pelbagai capahan memperagakan rasa pertanggungjawaban terhadap apa-apa yang dikerjakannya dalam cerpen ini. Judul *jouska* yang diutarakan, mewakili keseluruhan pergolakan dan kekacauan yang hanya Afi sendiri rasakan.

Benar, gangguan jiwa remaja yang mengakibatkan rasa kecewa, putus asa, dan gagal kian menggoncang kehidupan remaja pada hari ini. Afi yang tewas akhirnya, memberi alamat khas akan pertelingkahan yang kian genting ini. Penulis seakan-akan pesimis terhadap jalan keluar sebagai *doppelganger*; sebagai petanda buruk yang penuh kecelakaan. Apalagi di hujung cerpen, rakan Afi, Yafi, turut terbelit dalam lingkaran yang sama.

Namun begitu, satu babak yang sempat diusulkan penulis dalam cerpen ini ialah langkah Afi ke masjid dan memperoleh ketenangan. Benar, antara jalan penyelesaian kepada tekanan, kemurungan dan apa-apa juga masalah dalam kehidupan adalah menerusi jalan iman. Antara lainnya memperlihatkan bahawa Awang Sufi Udin turut menguasai pemecahan permasalahan jiwa ini. ds